

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 3 (0)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

**MENGGUNAPAKAI DENGAN PINDAAN PERATURAN
PEKELILING PERBENDAHARAAN WP1.4
KEMUDAHAN BERTUGAS RASMI DAN BERKURSUS**

Pejabat Bendahari

Mac 2026

Disalinkan Kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTj / Dekan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 3 (10)

15 Mac 2026

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2026 **MENGGUNAPAKAI DENGAN PINDAAN PERATURAN PEKELILING PERBENDAHARAAN WP1.4 KEMUDAHAN BERTUGAS RASMI DAN BERKURSUS**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan berkenaan Menggunakan Dengan Pindaan Peraturan Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 Kemudahan Bertugas Rasmi Dan Berkursus Tahun 2026.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kertas Kerja Cadangan Menggunakan Dengan Pindaan Peraturan Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 Kemudahan Bertugas Rasmi Dan Berkursus Tahun 2026 telah dibentangkan dan diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1 Tahun 2026 yang telah bersidang pada 11 Februari 2026 dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2 Tahun 2026 pada 22 Februari 2026.
- 2.2 Kementerian Kewangan (MOF) telah membuat penambahbaikan Pekeliling Perbendaharaan (PP) bagi elaun, kemudahan dan bayaran bagi pegawai perkhidmatan awam melaksanakan tugas rasmi dan kursus yang melibatkan empat (4) PP Pengurusan Wang Awam (WP) sepertimana surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan di **Lampiran 1**.
- 2.3 Perubahan ke atas empat (4) PP WP yang berkaitan melibatkan penggabungan dan pembatalan PP WP sedia ada dengan penambahbaikan secara keseluruhan bagi mewujudkan Pekeliling

WP1.4 baharu di **Lampiran 2** mengenai Kemudahan Bertugas Rasmi dan Berkursus bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Tahun 2026.

3.0 CADANGAN MENGGUNAPAKAI DENGAN PINDAAN PERATURAN DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN WP1.4.

3.1 Cadangan menggunakan sepenuhnya WP1.4 baharu merangkumi perkara seperti berikut:

3.1.1 Kemudahan bertugas rasmi; dan

3.1.2 Kemudahan berkursus.

3.2 Namun begitu, pindaan terhadap perkara kelayakan kelas penerbangan bagi semua tiket penerbangan adalah seperti berikut:

3.2.1 Kelayakan untuk semua staf Universiti adalah tiket penerbangan kelas ekonomi;

3.2.2 Pengecualian kelayakan tiket penerbangan kelas perniagaan hanya diberikan kepada;

a) Pewujudan Pengurusan Tertinggi Universiti, ahli JPU (Gred 14 dan ke atas);

b) Pemegang Jawatan Pentadbiran Giliran (Gred Jusa C dan ke atas); dan

c) Jemputan luar yang setaraf dengan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).


4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling ini adalah berkuat kuasa bermula tuntutan Februari 2026.
- 4.2 Penambahbaikan Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perbendaharaan WP1.4: Kemudahan Bertugas Rasmi Dan Berkursus Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,



DATO' PROF. Ir. Ts. Dr. ARHAM BIN ABDULLAH
Naib Canselor